

Bahasa Inggeris wajar dikuasai pada usia kanak-kanak



**Suara
Orang Muda**

Bersama

Noraini Ahmad

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

BARAT 'duri dalam daging' kemampuan pelajar di institut pengajian tinggi awam (IPTA) menguasai bahasa Inggeris terus menjadi satu isu dalam sistem pendidikan di negara kita. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed sendiri turut mengakui bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar masih kurang memuaskan.

Apa tidaknya, hampir 30 peratus daripada 132,000 pelajar Kolej Komuniti, Politeknik dan universiti awam hanya menguasai Tahap 1 dan 2 Ujian Inggeris Universiti Malaysia (MUET), iaitu tahap terendah pada ujian berkenaan.

Sebahagian besar pelajar atau 43.3 peratus pula menguasai Tahap 3 dan 21.0 peratus lagi Tahap 4.

Berdasarkan kajian awal oleh Kementerian Pengajian Tinggi tahun lalu, 5.7 peratus pelajar menguasai Tahap 1 dan 23 peratus Tahap 2, manakala 1.9 peratus saja menguasai Tahap 6 dan 5.1 peratus Tahap 5.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Dr Raffiah Salim berpendapat: "Dalam menangani masalah ini, kita perlu melihat dari aspek pendidikan sejak di sekolah rendah dan menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan".

Bagi beliau, selepas 13 tahun berada dalam sistem pendidikan berkenaan, agak sukar universiti menggilap mereka menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya, se-

dangkan pada masa sama universiti perlu memberi ilmu khusus berdasarkan bidang pengajian masing-masing.

Pelajar di luar bandar dikatakan sukar menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya, tetapi mesti terus dibimbing menguasainya. Bila ditanya di kalangan pelajar sendiri, ada yang berpendapat pelajar tidak mempunyai kelas bimbingan khusus atau dengan kata lain pembelajaran MUET tiada dalam jadual pembelajaran di mana-mana universiti yang menganjurkan peperiksaan berkenaan.

Sebaliknya mereka terpaksa belajar sendiri dan berharap kepada ihsan pihak universiti untuk menganjurkan seminar istimewa yang biasanya diadakan sebulan sebelum peperiksaan. Bagi yang mempunyai inisiatif sendiri, mereka akan mengambil kelas tuisyen MUET yang biasanya agak mahal iaitu RM100 sehingga RM200 sebulan.

Pada masa sama, ada yang mengadu standard penerimaan tahap (band) kelulusan MUET antara universiti tempatan berbeza, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) misalnya difahamkan hanya akan menerima pelajar yang lulus dengan Tahap 3 dan ke atas saja, manakala difahamkan UiTM menerima pelajar yang lulus Tahap 2 MUET untuk meneruskan pengajian ijazah mereka.

Ada pula pelajar ditemui mempersoalkan bagaimana boleh peperiksaan khas yang dikelolakan Kementerian Pelajaran Tinggi tidak mempunyai standard pembelajaran khusus seperti mata pelajaran peringkat universiti lain?

Sebelum ini, Majlis Naib Canselor ada mencadangkan supaya pelajar universiti awam wajib menguasai bahasa Inggeris Tahap 3 MUET sebelum menamatkan pengajian, namun ditolak kementerian se-

BH - 6/2/2007

lepas mengambil kira sesetengah pelajar datang dari luar bandar dan program pengajian tidak memerlukan mereka menguasai bahasa antarabangsa dengan baik.

Hakikatnya, 1001 alasan diberikan setiap pelajar yang gagal mencapai tahap memuaskan dalam ujian MUET, tetapi bagi yang berjaya mereka tentu ada cara dan kaedah tersendiri selain kesungguhan untuk menguasai bahasa antarabangsa itu.

Kita tidak seharusnya menyalahkan sistem pendidikan atau kaedah yang digunakan di IPTA dalam isu berkenaan, apalagi bahasa Inggeris sudah pun diserapkan dalam pembelajaran Matematik dan Sains di sekolah. Kita sebaliknya perlu lebih

banyak melihat ke dalam diri. Bak kata pepatah 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih'.

Mempraktikkan perbualan dalam bahasa Inggeris di kalangan anak sejak kecil, selain menggalakkan interaksi dalam bahasa Inggeris di sekolah adalah antara kaedah yang perlu difikirkan dalam usaha peringkat awal untuk meningkatkan penguasaan anak kita dalam bahasa Inggeris. Di sini, ibu bapa dan guru kena mainkan peranan.

Kita tidak mahu bila anak kita habis sekolah selama 13 tahun, hendak bercakap bahasa Inggeris pun berterabur. Kita harus ingat bahawa pasaran pekerjaan yang menunggu di luar sana, rata-rata menuntut kita menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

Ada majikan mengadu masalah dihadapi ketika mengadakan temu duga di kalangan sesetengah lulusan IPTA ialah kelemahan ketara dalam bahasa Inggeris, tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dengan baik, apatah lagi menulis, sedangkan rata-rata syarikat memerlukan mereka yang boleh menguasai bahasa Inggeris sebaik mungkin.

Dalam kita harus terus menjunjung dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda kita, kepentingan bahasa Inggeris tidak harus diabaikan sama sekali.

'Melentur buluh biarlah daripada rebungunya'. Marilah kita sama-sama berusaha agar anak dan pelajar kita mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Semoga dengan keupayaan berkomunikasi ini mereka mampu menjadi tonggak harapan negara pada masa depan.

**Datuk Noraini Ahmad ialah
Ketua Puteri Umno Malaysia**

FAKTA NOMBOR

Ujian Inggeris Universiti
Malaysia (MUET) 2006

5.7%

Kuasai Tahap 1

23%

Tahap 2

5.1%

Tahap 5